

# Dr. M kecewa 3 pemain takraw terbabit dadah

MELAKA 3 Okt.— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kecewa dengan tiga pemain sepak takraw negara ke Sukan Asia XIV di Busan, Korea Selatan kerana terbabit dengan pengambilan dadah hingga menyebabkan mereka diarahkan pulang ke tanah air serta merta.

Perdana Menteri berkata, walaupun kerajaan mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk skuad Malaysia, namun masih ada di kalangan mereka tidak mahu mematuhi peraturan.

Menurutnya, kejadian yang berlaku di Busan itu sebenarnya berpunca daripada ketiadaan disiplin di kalangan pemain-pemain skuad negara.

“Saya nampak walaupun kerajaan belanja wang banyak, cuba nak pupuk semangat dan cara hidup yang sihat dan sebagainya masih ada orang yang tidak mahu patuh kepada peraturan,”

katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam di Tanjung Kling, di sini hari ini.

Dr. Mahathir mengulas kes tiga pemain sepak takraw negara ke Sukan Asia XIV kerana memalukan Malaysia apabila diarah pulang serta merta setelah didapati mengambil dadah jenis morfin.

Pemain-pemain terbabit ialah Mohamad Aznan Raslan, Mohamad Firdaus Abdul Ghani dan Mohamad Hanif Azman. Mereka adalah pemain untuk acara berpasukan dan regu pada temasya itu.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, sikap kurang berdisiplin di kalangan pemain-pemain skuad negara turut berlaku di kalangan pemain-pemain badminton negara dahulu.

“Mereka kurang berdisiplin sebenarnya, pasukan

badminton kita dulu yang gagal kerana tak ada disiplin, suruh datang untuk latihan tak datang.

“Masing-masing dah jadi pembesar badminton hingga tak mahu ikut langsung arahan, mereka dah jadi orang besar, kita tak boleh arah mereka,” kata Dr. Mahathir sinis.

Perdana Menteri berkata, sekiranya skuad negara hendak menang dalam mana-mana kejohanan di peringkat antarabangsa, kesemua mereka mesti mempunyai disiplin yang tinggi.

“Ini (kejadian yang berlaku kerana) sikap (pemain-pemain), kalau kita nak menang mesti ada disiplin, tak kira siapa pun.

“Tengok bangsa Korea dulu tak boleh main (bola sepak), tapi kalau kita tengok disiplin orang Korea, kita boleh tahu dia boleh menang,” katanya.